



IKLAN JAWATAN NAIB CANSOLOR

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN merupakan sebuah Universiti Awam di Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

A. BUTIRAN JAWATAN

1. Jawatan : Naib Canselor
2. Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Tertinggi
3. Gred Jawatan : Gred Utama A (VU5) Terbuka
4. Taraf jawatan : Kenaikan Pangkat/ Pertukaran Sementara/ Peminjaman/ Kontrak
5. Jadual Gaji (Min – Mak) : RM9,038.00 hingga RM24,465.00

B. KRITERIA

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut:

i. Kecemerlangan Akademik

Mempunyai kelayakan Ph.D merupakan satu kelebihan, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

ii. Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah kecemerlangan. Pengalaman dan rekod kecemerlangan kepimpinan merupakan antara ciri utama menentukan kemampuan calon selain kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap.

iii. Reputasi

Menjadi *'role model'* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

iv. Pengiktirafan Antarabangsa

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

v. Personaliti

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player* serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Penyandang juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan mentaliti kelas pertama.

vi. Berfikiran Jauh dan Kritis

Penyandang mestilah berkemampuan untuk berfikiran jauh dalam menentukan hala tuju dan visi pembangunan dan kecemerlangan organisasi selain mempunyai kemampuan untuk menganalisa, mensintesis dan membuat penilaian secara holistik dalam menyelesaikan masalah.

vii. Berintegriti

Penyandang perlulah mempunyai tahap integriti yang tinggi, tidak pernah terlibat atau disabitkan dalam mana-mana kesalahan jenayah dan tatatertib serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap jawatan dan peranan yang diamanahkan.

viii. Mempunyai Kapasiti Dalam Penjanaan Dana Universiti

Mempunyai minda keusahawanan seperti cekap melihat peluang, berani mengambil risiko bagi meneroka peluang-peluang baharu serta berfikiran kreatif dan inovatif dalam menggunakan segala sumber secara optimum untuk menjana pendapatan universiti.

ix. Pengurusan Kewangan dan Pemasaran Strategik

Penyandang mestilah mempunyai pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan dan pemasaran strategik di samping pengurusan bakat untuk memimpin secara berkesan bagi mencapai matlamat sebagai institusi pilihan terbaik.

x. Menghayati Agenda Nasional

Berkeupayaan menangani perubahan dan membawa organisasi ke arah kecemerlangan serta bersedia untuk melaksanakan transformasi demi melonjakkan reputasi organisasi. Mampu untuk menghayati dan menghargai kepelbagaian serta merealisasikan dasar-dasar negara dan agenda nasional.

C. CARA MEMOHON

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlu mengemukakan permohonan rasmi beserta dokumen seperti di bawah :

- i. *Curriculum Vitae* (CV) Kepimpinan (seperti format di **Lampiran 1**)
 - ii. *Curriculum Vitae* (CV) penuh calon yang memohon
 - iii. Salinan sijil (jika berkaitan)
 - iv. Kertas cadangan mengenai misi dan visi sekiranya dilantik sebagai Naib Canselor.
- Calon yang berminat perlu mengemukakan borang permohonan bersama dokumen-dokumen (secara *hardcopy* dan *softcopy*) seperti berikut:

**Dokumen *hardcopy* : PENDAFTAR
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
16300 BACHOK
KELANTAN DARUL NAIM
(No. Telefon : 09-7797663)**

Dokumen *softcopy* : eruwan.ah@umk.edu.my

- Tarikh tutup permohonan : **20 Jun 2024**
- Calon-calun yang berkelayakan dan memenuhi kriteria sahaja akan disaring untuk disenarai pendek/ dipanggil temu duga.